

# Exco Perak gand

UM - 4 DEC 1999

Oleh ISMAIL DAUD

**K**UALA KANGSAR 3 Dis. Gandingan muka lama dan baru akan menganggotai barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Perak yang baru, kata Mente-

ri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Bagaimanapun, beliau berkata, tiada pertambahan jumlah anggota Exco yang baru dan kuota parti juga tidak berubah iaitu lima orang mewakili UMNO, dua MCA dan masing-masing seorang Gera-

kan dan MIC. Katanya, senarai penuh anggota Exco itu sudah dibincangkan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menunggu kelulusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Saya akan mengadakan

pertemuan dengan Dr. Mahathir pada hari Isnin ini dan ahli Exco yang baru akan mengangkat sumpah pada hari Rabu," katanya kepada pemberita selepas majlis mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di Istana Iskandariah di sini hari ini.

## ingnan lama, baru

Dalam pilihan raya umum Isnin lalu, semua barisan Exco Perak mengekalkan kerusi masing-masing kecuali Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Kebajikan, Datuk Mohd. Zaim Abu Hassan.

Mohd. Zaim tewas kepada calon Pas, Dr. Faizol

Fazli Mohamed bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Belanja dengan majoriti 119 undi.

Tajol Rosli berkata, pelantikan muka lama dan muka baru itu adalah untuk meneruskan kesinambungan program kerajaan yang lalu dan menyuntik

idea baru dalam pentadbiran kerajaan negeri yang dipimpinnya.

Ditanya keutamaan setelah menjadi Menteri Besar, beliau berkata perkara pertama itu ialah mcrapatkan kembali hubungan antara kerajaan, wakil rakyat dan rakyat.

Katanya, beliau mahu setiap wakil rakyat bekerja lebih kuat untuk mengembalikn sokongan rakyat terutama penduduk Melayu di luar bandar yang dilihat mula menyokong parti pembangkang.